

Keadilan Johor di ambang perpecahan

BH 18 JUL 2000

JOHOR BAHRU, Isnin — Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Johor kini di ambang perpecahan apabila dua lagi pemimpin kanan parti itu mengumumkan peletakan jawatan dan keluar daripada parti itu berkuat kuasa serta-merta.

Mereka ialah Ketua Bahagian Keadilan Bandar Tenggara, Indah Mashud, 36, dan setiausaha bahagian itu, Mohd Noh A Karim, 42.

Ini menjadikan tiga pemimpin kanan Keadilan keluar parti dalam tempoh dua minggu. Seorang lagi

ialah Ketua Bahagian Keadilan Kota Tinggi, Abdul Rahman Mohamed, 50, yang meletakkan jawatan dan keluar parti pada 8 Julai lalu.

Indah ketika dihubungi berkata, tindakan itu dibuat secara ikhlas dan tidak dipaksa mana-mana pihak kerana hilang kepercayaan kepada pucuk kepimpinan Keadilan.

“Saya hilang keyakinan terhadap parti Keadilan. Keadilan kini lebih menjurus kepada parti elit tanpa mempedulikan ahli pada peringkat akar umbi.

“Selain itu, krisis pada peringkat pucuk pimpinan mengakibatkan ahli menjadi mangsa dan tidak berpeluang memberi pendapat,” katanya.

Sehubungan itu, Indah berkata, beliau bersedia memberi ceramah kepada umum terutama pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk memperbetulkan kekeliruan selama ini.

Mohd Noh ketika dihubungi berkata, beliau hilang kepercayaan kepada pucuk pimpinan Keadilan kerana perjuangan mereka sia-sia dan tiada wawa-

san jangka panjang.

Menurutnya, pemimpin Keadilan hanya sibuk ketika berkempen pada pilihan raya dan selepas itu menghilangkan diri dengan membawa haluan masing-masing.

“Saya meminta maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan penduduk Malaysia kerana terpengaruh dengan perjuangan sia-sia,” katanya.

Pada 2.5 November tahun lalu, empat pemimpin kanan Keadilan Johor mengumumkan keluar parti

itu dengan alasan pucuk kepimpinan parti membelakangkan keputusan peringkat negeri.

Mereka ialah Ketua Bahagian Ledang yang juga Setiausaha Badan Perhubungan Keadilan negeri, Jaafar Ahmad; Ketua Penerangan negeri, Abd Rahman Kation; Ketua Bahagian Keadilan Kota Tinggi, Zulbahari Abu Bakar dan Ketua Penerangan Bahagian Muar, Kamarudin Hassan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Umno Bahagian Tenggara, Mohd Ameran

Soheran berkata, ternyata ramai pemimpin Keadilan telah tersedar daripada lamunan mereka.

“Umno berharap ramai pemimpin dan ahli parti itu keluar beramai-ramai kerana parti berkenaan ternyata tidak boleh memperjuangkan nasib orang Melayu berbanding Umno.

“Ternyata konsep Barisan Nasional (BN) yang berasaskan kekuatan semua parti komponen mampu memerintah negara ini dengan aman, harmonis dan stabil dalam pelbagai bidang,” katanya.